

SIRI PENDIDIKAN PENGECEUALIAN AUDIT BAGI SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD DI BAWAH ARAHAN AMALAN NO. 10/2024



**APAKAH YANG DIMAKSUDKAN PENGECEUALIAN
AUDIT DI BAWAH ARAHAN AMALAN NO.10/2024?**

Mulai tahun kewangan bermula 1 Januari 2025, syarikat sendirian berhad tertentu boleh dikecualikan daripada melantik juruaudit — jika memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh SSM di bawah Arahan Amalan No. 10/2024.

SIRI PENDIDIKAN PENGECUALIAN AUDIT BAGI SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD DI BAWAH ARAHAN AMALAN NO. 10/2024



**APAKAH OBJEKTIF PENGECUALIAN AUDIT
DI BAWAH ARAHAN AMALAN NO. 10/2024?**

Objektif pengecualian audit bertujuan untuk membantu syarikat kecil menjimatkan kos pematuhan dengan membenarkan pengecualian audit bagi syarikat yang memenuhi kriteria tertentu, tanpa menjejaskan ketelusan kewangan.

SIRI PENDIDIKAN PENGECUALIAN AUDIT BAGI SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD DI BAWAH ARAHAN AMALAN NO. 10/2024



APAKAH KRITERIA PENGECUALIAN AUDIT?

Syarikat layak memohon pengecualian audit jika memenuhi sekurang-kurangnya dua (2) daripada tiga kriteria berikut:

- Hasil tahunan tidak melebihi RM3 juta
- Jumlah aset tidak melebihi RM3 juta
- Bilangan pekerja tidak melebihi 30 orang
(terpakai bagi tiga tahun kewangan berturut-turut)

SIRI PENDIDIKAN

PENGECUALIAN AUDIT BAGI SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD DI BAWAH ARAHAN AMALAN NO. 10/2024

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN HASIL, ASET & PEKERJA?



HASIL TAHUNAN

Pendapatan yang diterima/ diperoleh sepanjang tahun kewangan



JUMLAH ASET

Semua aset semasa dan tidak semasa



PEKERJA

Semua pekerja sepenuh masa (tempatan atau asing), termasuk kontrak dan percubaan, tetapi tidak termasuk pengarah, pemegang saham yang juga pekerja atau ahli keluarga yang bekerja tanpa gaji tetap.

SIRI PENDIDIKAN PENGECUALIAN AUDIT BAGI SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD DI BAWAH ARAHAN AMALAN NO. 10/2024



FASA PELAKSANAAN PENGECUALIAN AUDIT

**PENGECUALIAN AUDIT DILAKSANAKAN SECARA
BERPERINGKAT SELAMA 3 TAHUN :**

TAHUN	HASIL MAKSIMUM	ASET MAKSIMUM	BILANGAN PEKERJA
2025	RM1 juta	RM1 juta	10 orang
2026	RM2 juta	RM2 juta	20 orang
2027	RM3 juta	RM3 juta	30 orang

SIRI PENDIDIKAN PENGECEUALIAN AUDIT BAGI SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD DI BAWAH ARAHAN AMALAN NO. 10/2024



**ADAKAH SYARIKAT TIDAK AKTIF (DORMANT)
DIKECEUALIKAN DARIPADA DIAUDIT?**

Syarikat yang tidak menjalankan sebarang aktiviti dan tiada transaksi perakaunan sejak diperbadankan, atau dalam dua tahun berturut-turut, terus dikecualikan daripada audit.

SIRI PENDIDIKAN PENGECCUALIAN AUDIT BAGI SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD DI BAWAH ARAHAN AMALAN NO. 10/2024



SIAPA YANG TIDAK LAYAK MENDAPAT PENGECCUALIAN AUDIT?

Pengeccualian audit tidak terpakai kepada:

- ⊗ Syarikat awam (termasuk yang tersenarai)**
- ⊗ Anak syarikat kepada syarikat awam**
- ⊗ Syarikat asing**
- ⊗ Syarikat yang telah memilih untuk menjadi *Exempt Private Company* di bawah Seksyen 260 Akta Syarikat 2016.**

SIRI PENDIDIKAN PENGECEUALIAN AUDIT BAGI SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD DI BAWAH ARAHAN AMALAN NO. 10/2024



**APAKAH YANG AKAN TERJADI SEKIRANYA SYARIKAT
KEHILANGAN KELAYAKAN PENGECEUALIAN AUDIT**

Jika syarikat tidak lagi memenuhi kriteria, pengecualian audit akan terhenti serta-merta bagi tahun kewangan berikutnya. Namun, ia kekal dikecualikan bagi tahun-tahun sebelumnya yang telah layak.

SIRI PENDIDIKAN PENGECEUALIAN AUDIT BAGI SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD DI BAWAH ARAHAN AMALAN NO. 10/2024



TANGGUNGJAWAB SYARIKAT TANPA AUDIT

Syarikat yang dikecualikan audit masih perlu:

- Menyediakan penyata kewangan tidak diaudit mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan (MPERS)
- Mengemukakan laporan pengarah, pernyataan pengarah dan perakuan pengecualian kepada SSM

SIRI PENDIDIKAN PENGECEUALIAN AUDIT BAGI SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD DI BAWAH ARAHAN AMALAN NO. 10/2024



TARIKH KUAT KUASA & PENGGANTIAN

Arahan ini berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula **1 Januari 2025**. Arahan terdahulu (Practice Directive 3/2017) **telah dibatalkan serta-merta.**